

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 09/2020**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**JURUPULIH ANGGOTA KANAN (M.14 EB.15)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.




**1. JURUPULIH ANGGOTA KANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.14 EB.15 (\$3,260 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Fisioterapi atau bidang bersetujuan.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersetujuan dalam tanggagaji M.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
3. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersetujuan dalam tanggagaji M.11 tidak kurang dari 8 tahun.
4. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 daripada kategori berikut:
 - i. Pengalaman Klinikal (*Clinical Practice*);
 - ii. Penilaian (*Evaluation*);
 - iii. Mendidik / Mengajar (*Teaching*);
 - iv. Perkembangan Klinikal / Perkhidmatan (*Practice / Service Development*).
5. Mempunyai keahlian dengan Badan-Badan Profesional Antarabangsa adalah kelebihan.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengambil peranan dan tanggungjawab sebagai pegawai klinikal dalam bidang Fisioterapi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal bagi kes-kes yang memerlukan rawatan Fisioterapi mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada.
2. Membuat preskripsi rawatan yang komprehensif, efektif dan efisien mengikut profesionalisma masing-masing.
3. Mengkalkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan semasa, yang berkaitan dengan Fisioterapi dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*).



4. Bertanggungjawab dalam memastikan semua pegawai dan kakitangan Fisioterapi di bawah jagaan, mempraktikkan budaya kerja yang berprofesionalisme mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*).
5. Mewakili perkhidmatan Fisioterapi dalam Pasukan Pelbagai Bidang (*Multi Disciplinary Team*) dan mengintegrasikan rawatan Fisioterapi ke dalam program Pasukan Pelbagai Bidang, termasuk perbincangan dan penglibatan mengenai penjagaan kemajuan dan perancangan discaj pesakit.
6. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Fisioterapi dan ketua-ketua di mana pegawai ditugaskan.
7. Bertanggungjawab dalam kesejahteraan dan memberikan bimbingan dan sokongan kepada semua pegawai dan kakitangan Fisioterapi di bawah jagaan piawaian dari semasa ke semasa.
8. Bertanggungjawab atas keselamatan dan Amalan Kawalan Jangkitan (*Practice of Infection Control*) terhadap diri sendiri, orang-orang yang terlibat dan persekitaran semasa menjalankan tugas.
9. Membantu pegawai atas menjalankan kajian-kajian klinikal serta penyelidikan tertentu mengenai pengurusan masalah klinikal yang berkaitan dengan Fisioterapi untuk membantu meningkatkan mutu rawatan dan piawaian kaedah rawatan Fisioterapi.
10. Menyediakan dan mengadakan *peer paper reviews, systematic reviews, meta analysis* dan sebagainya.
11. Bertanggungjawab terhadap semua pegawai dan kakitangan Fisioterapi di bawah jagaan.
12. Mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.
13. Menglibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik dan klinikal (*Academic and Clinical Educator*) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan.
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).


	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("field") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ("field"), sila tekan tanda "+add"/"tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
Field					
BUSINESS ADMINISTRATION					
+ Add					



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office